

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

EUP 410 - Jurutera Dalam Masyarakat II

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak serta mengandungi TUJUH soalan sebelum and memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan dari Bahagian A, dan DUA soalan dari Bahagian B.

Soalan 5 adalah soalan WAJIB. Pilih satu soalan lagi sama ada soalan 6 atau 7.

Akta kontrak 1950 dan kertas graf akan disediakan.

Jawapan untuk setiap bahagian hendaklah diikatkan di dalam buku jawapan yang berasingan.

Semua soalan MESTILAH dijawab dalam Bahasa Malaysia.

.../2

BAHAGIAN A

1. Mengapakah amat penting bagi kita membezakan antara tawaran dan pelawaan. Berikan pandangan anda dengan merujuk kepada kes-kes dan/atau statut berkenaan, jika ada, dan berikan contoh-contoh pelawaan dan tawaran untuk menjelaskan pandangan anda itu.

(100 markah)

2. Syarikat XYZ adalah sebuah syarikat pemprosesan bahan kimia dan memiliki sebidang tanah di Kampung Bahagia. Syarikat XYZ telah melantik kontraktor bebas untuk membina loji kimia di atas tanahnya itu. Di atas kecuaiannya kontraktor bebas tersebut, bahan-bahan kimia yang ditempatkan di loji tersebut telah mengalir keluar daripada tanah Syarikat XYZ dan memasuki kawasan penduduk kampung. Akibatnya tanaman mereka telah rosak dan mereka juga mendapat penyakit gatal-gatal kulit dan mata. Kerana merasa tidak bahagia lagi, mereka bercadang hendak menyaman Syarikat XYZ dan telah datang berjumpa anda untuk mendapatkan nasihat. Bolehkah mereka menyaman Syarikat XYZ dan jika boleh, di bawah tindakan apa dan apakah perkara-perkara yang perlu mereka buktikan untuk berjaya dalam tuntutan mereka itu.

(100 markah)

.../3

3. Tuliskan nota ringkas mengenai perkara-perkara berikut:-

(i) Berikan tiga (3) daripada cara-cara mengenai bagaimana hubungan antara Prinsipal dan Agen ujud.

(30 markah)

(ii) Nyatakan jenis-jenis agensi mengikut tugas mereka dan berikan penerangan ringkas mengenai setiap satu daripadanya.

(70 markah)

4. Syarikat Luncai yang mengalami masalah kewangan, telah berkontrak untuk meminjam wang sebanyak RM100,000.00 daripada Syarikat Kelentong dengan faedah sebanyak 10% setahun untuk dibayar balik dalam tempoh dua (2) tahun.

(Anggapkan bahawa semasa perjanjian tersebut dilaksanakan, Syarikat Kelentong bukanlah pemberi pinjam wang berlesen yang mana ini menyalahi undang-undang kerana bertentangan dengan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Syarikat Luncai pula tidak mengetahui akan perkara ini).

Setelah selesai membayar balik pinjaman tersebut sebanyak RM120,000.00 termasuk faedah, Syarikat Luncai telah menyedari bahawa Syarikat Kelentong tidak pernah mempunyai lesen untuk meminjamkan wang.

Bincangkan kedudukan kontrak di antara mereka dan remedi yang boleh didapati oleh Syarikat Luncai dengan merujuk kepada Seksyen 66 Akta Kontrak 1950.

(100 markah)

.../4

- 4 -

BAHAGIAN B

5. Imbangan duga berikut diambil dari buku-buku Mr. Yousef seorang peniaga tunggal.

Mr. Yousef		
Imbangan Duga seperti pada 31 Mei 19_6		
	Dt RM	Kt RM
Jualan		121000
Belian	70250	
Ambilan	6200	
Sewa, kadar dan insurans	5000	
Belanja Pos	2500	
Pengiklanan	1000	
Gaji	20000	
Penghutang	12000	
Pemiutang		7000
Tunai ditangan	1000	
Stok pada 1 Jun 19_5	11000	
Kelengkapan (pada kos)	20000	
Modal		20950
	148950	148950

.../5

- 5 -

Maklumat-maklumat tambahan pada 31 Mei 19_6 ialah:

- (a) Sewa terakru sebanyak RM 200.
- (b) Susutnilai atas kelengkapan pada kadar 10% setahun atas kos.
- (c) Stok akhir pada 31 Mei 19_6 berjumlah RM 2000.

Anda dikehendaki;

- (i) Menyediakan Akaun Perdagangan untuk tahun berakhir 31 Mei 19_6.
- (ii) Menyediakan Akaun Untung dan Rugi untuk tahun berakhir 31 Mei 19_6 setelah mengambil kira pelarasan-pelarasan di atas.
- (iii) Menyediakan Kunci Kira-Kira seperti pada 31 Mei 19_6.

(100 markah)

.../6

6. Syarikat Syahmi dan Syarikat Anis berurusan dalam bidang yang sama. Kunci kira-kira syarikat pada 31 Disember 1992 menunjukkan maklumat-maklumat berikut:

	Syarikat Syahmi		Syarikat Anis	
	RM	RM	RM	RM
Aset tetap		4000		7000
Aset Semasa:				
Stok	3000		5000	
Penghutang	4500		900	
Bank	1500		100	
	9000		6000	
(-) Liabiliti Semasa:				
Pemiutang	(3000)	6000	(3000)	3000
		10000		10000
Modal		8000		8000
Modal awal		3600		3600
(+) Untung bersih		11600		11600
(-) Ambilan		(1600)		(1600)
		10000		10000

Nota:

- (i) Jualan bagi kedua-dua syarikat berjumlah RM 14400.
(ii) Untung kasar bagi kedua-dua syarikat berjumlah RM4800.

.../7

- a. Berdasarkan maklumat-maklumat di atas kirakan bagi KEDUA-DUA Syarikat nisbah-nisbah berikut:-
- (i) Nisbah semasa
 - (ii) Nisbah kecepatan (Acid Test Ratio)
 - (iii) Pusing ganti aset
 - (iv) Nisbah penghutang kepada jualan.
- b. Berdasarkan SETIAP nisbah di atas, bincangkan dengan ringkas kedudukan Syarikat Syahmi berbanding dengan Syarikat Afiqah.

(100 markah)

7. a. Terangkan dengan ringkas DUA (2) dari konsep-konsep berikut:
- (i) konservatif
 - (ii) pemadanan
 - (iii) entiti berasingan
 - (iv) materialiti
- b. Halim telah memulakan perniagaan sebagai pengedar buah limau pada 1 Januari 1991 dengan modal tunai sebanyak RM10000. Pada 31 Jan 1991 maklumat-maklumat berikut telah diperolehi:
- (i) Belian tunai bagi 100 kotak limau berjumlah RM2000
 - (ii) Jualan tunai bagi 100 kotak limau berjumlah RM4000
 - (iii) Belanja-belanja bagi bulan Januari berjumlah RM2500 telah dibayar secara tunai.

Anda dikehendaki;

- (a) Membuat catatan jurnal bagi merekod SEMUA transaksi-transaksi di atas.
- (b) Menyediakan Penyata Untung dan Rugi bagi bulan berakhir 31 Januari 1991.
- (c) Menyediakan kunci kira-kira seperti pada 31 Januari 1991.

(100 markah)

oooOOOooo